

## 1,922 pelajar IPT Melaka terima bantuan Food Bank Siswa sepanjang PKP

23/04/2020 07:13 PM



**KOLEJ ANTARABANGSA YAYASAN MELAKA**



**Tarikh : 21 April 2020**

**Penerima : 46 Pelajar**



MELAKA, 23 April -- Seramai 1,922 pelajar dari 23 institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Melaka menerima bantuan makanan menerusi Program Food Bank Siswa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lepas sehingga kini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata makanan yang diterima berupa makanan kering berbungkus dan bertin seperti biskut, roti, air minuman, oat segera dan mi segera yang disumbangkan pelbagai pihak antaranya Yayasan Food Bank Malaysia, swasta, pasar raya besar serta pemborong.

Beliau berkata antara institusi berkenaan ialah Cosmopoint College Melaka, Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka, Kolej Profesional Mara Bandar Melaka, Universiti Multimedia, Universiti Teknologi Mara Kampus Bandaraya Melaka, Kolej Komuniti Kota Melaka, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Politeknik Melaka dan Akademi Laut Malaysia.

"Program Food Bank Siswa bertujuan memastikan pelajar yang tidak dapat pulang ke kampung halaman masing-masing ekoran pelaksanaan PKP mendapat bekalan makanan yang mencukupi selain membantu meringankan beban sara hidup rakyat khususnya golongan B40.

"KPDNHEP Melaka ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang Program Food Bank Siswa ini dan kita berharap pihak yang ingin memberi sumbangan bekalan makanan boleh menghubungi kami di talian 1-800-886-800 atau hadir ke pejabat KPDNHEP Melaka atau menerusi laman sesawang <http://www.kpdnhep.gov.my>," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata pihaknya akan menjadi penyelaras antara pihak pasar raya dan penyumbang, mengurus logistik dan operasi program serta mengenal pasti dan menyelaras kumpulan sasar dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1835096>

